A black and white portrait of a middle-aged man with glasses, wearing a dark suit and a light blue shirt, sitting and smiling at the camera.

# Amanat NAIB CANSELOR **2021**

UNIMAS as a Global Brand

Sila Imbas



18 Februari 2021  
Arena Gemilang, DeTAR PUTRA  
9.00 pagi

[WWW.UNIMAS.MY](http://WWW.UNIMAS.MY)

Buku Amanat  
NC 2021



**Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Sayangi Malaysiaku, Salam Ibu Pertiwiku dan Salam UNIMASKu Sayang**

Sebagai pembuka bicara, izinkan saya menzahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapat kita bersama pada hari ini untuk menjayakan Majlis Amanat Naib Canselor 2021. Majlis Amanat ini memberi ruang kepada kita untuk berhimpun dalam keadaan yang terhad dengan diikuti secara maya oleh rakan-rakan lain serta memberi peluang kepada saya untuk berkongsi hala tuju UNIMAS agar kita boleh bergerak di atas landasan yang sama demi menggapai hasrat dan matlamat universiti.

Secara peribadi, saya juga ingin menzahirkan rasa syukur kerana telah menerima watikah pelantikan semula daripada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk memegang amanah baharu sebagai tampuk kepimpinan UNIMAS. Saya dengan ini menyeru agar setiap daripada kita memain peranan sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab secara langsung dalam satu pasukan untuk terus mencorakkan masa hadapan universiti yang kita sama-sama cintai ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin menegaskan bahawa pencapaian dan kejayaan UNIMAS adalah usaha kita semua secara TEGUH BERSAMA.

Percayalah, kejayaan kita dipacu secara kolektif oleh semua skim perkhidmatan yang terdapat di UNIMAS, sama ada di peringkat pemimpin, staf dan pelajar terdahulu serta yang ada pada masa kini.

**TEGUH BERSAMA**



# UNIMAS as a **GLOBAL BRAND**

Pada saat lahirnya UNIMAS di Bumi Kenyalang ini, mungkin tidak pernah terlintas dalam minda kita betapa besarnya impak yang bakal kita pacu, betapa tingginya harapan yang bakal kita teraju. Mungkin juga kita tidak pernah menyangka betapa dalam tempoh hampir tiga dekad ini, kita mampu melakar kecemerlangan dari pelbagai segi, khususnya dalam memakmurkan komuniti dan memartabatkan pendidikan tinggi melalui penyelidikan, pengajaran dan jalinan kerjasama dengan semua pemegang taruh.

Pokok Tualang bercabang lima  
Daunnya gugur di padi huma  
Kejayaan ditempa usaha bersama  
Di persada global mengukir nama

Tiga dekad mungkin terasa agak lama tetapi pelbagai cabaran yang kita tempuh bersama umpama mematangkan kita dengan begitu pantas. Biarpun ribut kadang-kadang melanda tanpa diduga, akar yang disuburi visi dan misi universiti kekal kukuh memastikan kelestarian universiti ini. Di sebalik setiap cabaran, warga UNIMAS dari seluruh peringkat, sama ada pengurusan, pentadbiran, akademik maupun pelaksana telah mempamerkan semangat yang jitu dalam meletakkan universiti di hadapan, seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) 2030.

Ternyata, langkah kita dalam menuju tahap kegemilangan yang lebih tinggi telah diuji dengan drastiknya pada tahun 2020. Bagai sirih naik, junjungan patah, kehadiran pandemik COVID-19 yang tidak disangka sedikit sebanyak merencatkan percaturan kita dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berimpak kepada komuniti dan negara. Namun, naratif pandemik ini tidak harus dijadikan alasan untuk kita kekal pasif dan berada di zon selesa. Kita harus menerima hakikat bahawa usia UNIMAS bukan lagi muda, dan langkah menuju kegemilangan global yang telah direncanakan sejak Pelan Strategik 2016-2020 harus diorak dengan lebih gagah. Kita wajar mendaki lagi kerana puncak yang tinggi sentiasa menanti mereka yang bertekad dan berani.



Kita harus menyatukan kekuatan serta mengoptimumkan sumber demi mencipta peluang dan menggalas cabaran untuk membawa UNIMAS ke peringkat kecemerlangan yang seterusnya. Justeru, sebagai asas kepada Amanat Naib Canselor 2021, saya ingin berkongsi dua perkara penting yang perlu difahami, dihayati dan disertai dengan tindakan-tindakan teratur dan berimpak, di semua peringkat pentadbiran universiti;

**“Bagaimana untuk menjadikan UNIMAS sebagai sebuah jenama global”**


**“Bagaimana untuk memperkuatkkan reputasi UNIMAS di peringkat lokal dan nasional”**

# UNIMAS AS A GLOBAL BRAND

Dengan berpandukan hasrat murni di atas, saya memilih, UNIMAS sebagai Jenama Global, atau, *UNIMAS as a Global Brand*, sebagai tema Amanat Naib Canselor tahun 2021.

Tema ini akan saya jelaskan lebih lanjut dengan menggariskan hala tuju kita berdasarkan kepada Visi, Misi, Nilai Teras dan Pertimbangan Strategik (*strategic concerns*) yang akan didukung oleh pelan strategik yang dinamik serta petunjuk prestasi yang akan disemak secara berkala oleh Lembaga Pengarah Universiti.





Matlamat adalah benih perubahan kerana tidak ada yang berubah tanpa matlamat. Maka, dengan penjajaran semula matlamat universiti di peringkat nasional dan global agar seiring dengan perubahan landskap semasa dunia pendidikan tinggi, (Visi dan Misi universiti yang telah ditetapkan seawal penubuhan pada tahun 1992 dan Nilai-nilai Teras UNIMAS telah dimurnikan).

## Visi

Universiti peneraju global untuk kelestarian masa hadapan

*A leading global University for a sustainable future*

## Misi

Untuk meningkatkan impak sosial dan ekonomi komuniti global melalui kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan strategik

*To enhance the social and economic impacts on the global community through the pursuit of excellence in teaching, research and strategic engagement*

Sebagai sebuah universiti komprehensif, Visi dan Misi baharu ini ditunjangi kesungguhan dan kecekalan berterusan seluruh warga universiti dalam penjanaan ilmu melalui pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan strategik dan selanjutnya diterjemahkan dalam peningkatan impak sosial dan ekonomi komuniti global bagi mencapai hasrat universiti sebagai peneraju kelestarian masa hadapan .

Saya yakin perubahan ini akan membawa UNIMAS ke peringkat lebih gemilang dengan tersemainya nilai-nilai teras universiti iaitu Teladan, Keserakahan, Integriti, Cekal dan Ekuiti, dalam setiap warga universiti. Nilai-nilai ini bukanlah gimik atau hiasan semata-mata tetapi perlu dizahirkan dalam bentuk tindakan dan sikap yang mampu mengangkat UNIMAS ke mercu yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa.



Walaupun kembara kita pada tahun 2020 diselubungi ketidaktentuan, pencapaian UNIMAS di peringkat nasional dan global tetap membanggakan. Himpunan usaha dan tekad warga UNIMAS telah memastikan tumpuan utama ke arah kecemerlangan tidak terhenti, biarpun ada waktunya langkah kita dicekau kawat berduri. Hasil daripada Pelan Strategik 2016-2020 yang berfokuskan kepada Empat Fokus Strategik, UNIMAS telah berjaya melakar kejayaan dalam pelbagai aspek.



**11** IN MALAYSIA  
World University Rankings

**201** IN THE WORLD  
University Impact Rankings

**351** IN MALAYSIA  
Young World University Rankings

**401** ASIA UNIVERSITY RANKINGS

**1001** IN THE WORLD

**601** IN THE WORLD  
for Business & Economics


**801** IN THE WORLD  
for Life Sciences

**1001** IN THE WORLD  
for Engineering & Technology



Dalam jangka masa 5 tahun pelaksanaan pelan strategik tersebut, di peringkat nasional, UNIMAS telah diberikan penarafan 5 Bintang untuk SETARA dan MyMOHES, serta 4 bintang untuk MyRA. Di peringkat global pula, UNIMAS telah tersenarai dalam 1001 universiti terbaik dunia dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings. Tiga subjek turut diiktiraf sebagai antara yang terbaik di dunia iaitu subjek Kejuruteraan dan Teknologi (*Engineering and Technology*), Ekonomi dan Perniagaan (*Business and Economics*) dan buat pertama kalinya pada tahun 2020, subjek Sains Kehidupan (*Life Sciences*) turut disenaraikan.

Selain itu, kedudukan UNIMAS dalam *THE Impact Rankings* yang berdasarkan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) juga sangat membanggakan. UNIMAS telah disenaraikan dalam kelompok 201 universiti terbaik dunia, dengan 5 SDG berada dalam kedudukan 100 terbaik dunia iaitu SDG 13 Climate Action, SDG 5 Gender Equality, SDG 14 Life Below Water, SDG 2 Zero Hunger dan SDG 16 Peace, Justice and Strong Institutions.



Langkah padu UNIMAS turut dirasai di peringkat Dunia. Dalam *QS World University Rankings* (QS WUR) UNIMAS berada di kedudukan 801 dunia. Paling membanggakan, hanya UNIMAS, universiti di Asia Tenggara yang berjaya disenarai pendek dalam *THE Awards Asia* 2020 untuk 3 kategori iaitu:


- i) *Workplace of the Year*
- ii) *International Strategy of the Year*; dan
- iii) *Excellence Innovation in the Arts*.




Pada peringkat akhir pembentangan, UNIMAS telah berjaya memenangi kategori *Excellence Innovation in the Arts* melalui projek "Teater Semarak Pertiwiku" yang diwakili oleh Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Syabas kepada semua yang terlibat!

Kejayaan ini menjadi bukti kukuh bahawa tiada yang mustahil walaupun kita mungkin berpendapat UNIMAS hanyalah universiti kerdil di Borneo. Realitinya kita mampu mencipta kejayaan yang luar biasa dengan kerjasama dan usaha seluruh warga UNIMAS.

Namun, tatkala kita meniti denai menuju ke puncak yang lebih tinggi, kita tidak harus leka dengan pemandangan langit yang indah. Dengan iklim semasa yang masih mencabar, kita tidak boleh membiarkan tekad kita tercalar. Justeru, kejayaan Pelan Strategik 2016-2020 telah meyakinkan kita untuk membangunkan Pelan Strategik kedua bagi tempoh 2021 hingga 2025 demi meneruskan kesinambungan perancangan strategik universiti. Pelan ini telah dibangunkan melalui sesi bengkel, town hall dan perbincangan yang menyeluruh agar ia selari dengan visi dan misi universiti.





## PFOKUS STRATEGIK 1

### Graduan Tersedia Masa Hadapan (*Future-Ready Graduates*)

Fokus strategik ini menekankan penyediaan graduan pada masa hadapan. Pengukuran kepada reka bentuk dan penyampaian kurikulum perlu dilaksanakan termasuk pengalaman inklusif, transformatif, dan pendidikan yang fleksibel selain memajukan kualiti akademik melalui pelaksanaan prosedur jaminan kualiti.



## FOKUS STRATEGIK 2

### Kecemerlangan Penyelidikan (Research Excellence)

Dalam fokus strategik ini, universiti memperhebatkan pembudayaan penyelidikan melalui peningkatan jumlah penyelidik utama dan dengan mendapatkan geran industri, nasional, dan antarabangsa. Impak penyelidikan melalui penerbitan *citation* dan kesan kepada komuniti juga akan terus diberikan tumpuan di samping memastikan kelestarian penyelidikan.



## FOKUS STRATEGIK 3

### Kecemerlangan Bakat (Talent Excellence)

Bagi menyokong Visi dan Misi UNIMAS, bakat yang berkualiti merupakan intipati penting dalam memastikan UNIMAS kekal relevan and kompetitif di pentas global. Fokus strategik baharu ini telah disertakan dalam Pelan Strategik 2021-2025 sebagai langkah membangunkan serta mengekalkan bakat yang berkualiti.

## **FOKUS STRATEGIK 4**

### Kesohoran Global (*Global Prominence*)

Fokus strategik ini merangkumi inisiatif-inisiatif yang menghubungkan dan mengintegrasikan komuniti global. UNIMAS kini berada dalam posisi terbaik untuk menjadi pemain utama bagi memaksimakan jaringan kolaborasi antarabangsa kita, dan seterusnya mengukuhkan ketampakan dan daya saing Universiti di peringkat global. Ini melibatkan fungsi utama UNIMAS dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat sosial serta kerja-kerja perundingan.



## **FOKUS STRATEGIK 5**

### Kelestarian Kewangan (*Financial Sustainability*)


Dalam fokus strategik ini, tindakan penting bagi meningkatkan sumber pendapatan universiti telah dirangka khususnya yang melibatkan program komersial, perkongsian kecil, dan *capital ventures*, peningkatan kecekapan dalam pengendalian sumber Universiti, memanfaatkan infrastruktur sedia ada untuk menjana pendapatan serta memperbanyakkan program waqf dan endowmen.





# Strategic Concerns

Sabah tahun ketika kita mencongak kejayaan yang dicapai oleh staf, pelajar dan universiti, kita juga harus menghayati semangat keserakanan yang menjadi nadi kepada setiap pencapaian. Dalam merangka keutamaan UNIMAS iaitu Keutamaan Kita (*Our Priorities*) sebagai sebuah universiti awam dalam meningkatkan impak sosial dan ekonomi komuniti global, beberapa pertimbangan strategik telah dikenal pasti:



Peranan UNIMAS dalam memupuk transformasi komuniti

Sumbangan UNIMAS ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (atau SDG) 2030

Kebolehpasaran graduan dan Revolusi Industri 4.0

Pemerkasaan keupayaan penyelidikan melalui kerjasama strategik yang lestari di peringkat nasional dan global

Pengiktirafan dan pencapaian kualiti kelayakan antarabangsa

Kelima-lima pertimbangan strategik ini adalah berasaskan kepada perhatian utama UNIMAS terhadap jenama dan reputasi. Penerimaan UNIMAS di peringkat global akan menarik lebih banyak bakat akademik, pelajar-pelajar antarabangsa serta jalinan strategik yang akan memberikan impak positif kepada universiti dan komuniti. Untuk terus bersaing dalam pasaran pendidikan tinggi yang kian mencabar, UNIMAS adalah satu jenama yang memerlukan pengurusan reputasi yang baik (*reputation management*), komunikasi, libatsama pemegang taruh serta pembangunan jenama berterusan. UNIMAS perlu proaktif dalam mengisahkan dan berkongsi cerita kejayaan, menyampaikan keunikan, kekuatan dan menyerlahkan kebolehan dan pencapaian dalam meningkatkan visibiliti dan kesedaran di mata dunia. Tuntasnya, kita tidak boleh lagi berasa selesa sebagai jaguh di gelanggang sendiri.






Tujuhan kita ke arah sasaran sebagai jenama global tidak bererti kita lupa akan tanggungjawab kita dalam memupuk transformasi komuniti. Malah, nama UNIMAS sentiasa meniti di bibir komuniti setempat yang telah merasai impak positif hasil daripada program dan projek yang dijalankan oleh universiti.

Pada tahun lepas umpamanya, UNIMAS berjaya mengukir senyuman di wajah 800 pelajar-pelajar, guru dan warga SMK Ulu Balingian yang sekian lama dibelenggu masalah bekalan air bersih. Terletak 110km dari bandar Sibu, keperitan warga sekolah ini dalam mendapatkan bekalan air bersih ternyata terubat. Selain menunggu penghantaran air bersih dari pekan Selangau setiap hari, mereka bergantung kepada air hujan dan air di Sungai Tepus. Bayangkan sebelum ini, pelajar-pelajar yang seharusnya memberikan tumpuan terhadap pelajaran mereka, terpaksa memikirkan bekalan air bersih untuk mereka menjalani rutin harian.



Dari menuruni tebing sungai yang curam setinggi 100 meter yang berbahaya sehinggalah berlari keluar dari kelas saat hujan turun ke bumi demi untuk menadah air bagi kegunaan mereka sendiri, Perkara ini sedikit sebanyak memberi impak kepada pelajar-pelajar. Keadaan sedemikian sudah pastinya sedikit sebanyak menganggu fokus para pelajar semasa sesi pembelajaran mereka, selain mengalami masalah kesihatan akibat menggunakan air tidak terawat. Semua ini berakhir dengan adanya sistem penapisan air ultra (*ultra filtration*) yang direkabentuk dan dipasang oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan UNIMAS dengan kerjasama penyelidik Universiti Malaya baru-baru ini.


Kejayaan projek di SMK Ulu Balingian telah memberi impak kepada komuniti sekolah dengan pembekalan air bersih dan terawat yang berterusan. Atas kejayaan pelaksanaan projek berimpak tinggi ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersetuju dan memberi kepercayaan kepada UNIMAS untuk melaksanakan 11 buah lagi projek sistem Water *Ultra Filtration* di sekolah-sekolah luar bandar di seluruh Sarawak. Kepercayaan ini adalah bukti kemampuan UNIMAS dalam melaksanakan projek yang berimpak tinggi kepada komuniti.




## UNIMAS Water Centre

Menyedari kepentingan pengurusan air terawat terutamanya di luar bandar, dengan ini saya mengumumkan penubuhan Pusat Air UNIMAS (UNIMAS Water Center). Sudah tentunya pusat ini nanti akan bekerjasama dengan kerajaan negeri dan pemegang taruh universiti, dalam menyediakan kepakaran untuk membangunkan dan menaiktaraf kemudahan perkhidmatan infrastruktur air, aktiviti penyelidikan berkaitan pengurusan air terawat serta khidmat perundingan. Selain itu, aspek kesihatan awam serta cabaran sosioekonomi dan kelestarian pengurusan air akan turut dititikberatkan.

Sebagai sebahagian daripada komuniti global, sumbangan UNIMAS ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 juga diberikan perhatian. Universiti bersetuju menubuhkan Hab UNIMAS-UNESCO Knowledge for Change atau (K4C) yang merupakan satu langkah menyokong SDG 2030. Konsortium Knowledge for Change (K4C) adalah sebuah inisiatif UNESCO chair for community-based Research and Social Responsibility in Higher Education.





UNIMAS juga telah dipilih sebagai salah sebuah kampus rintis di antara 200 buah universiti di dunia yang akan menyertai inisiatif "The Little Book of Green Nudges" anjuran United Nations Environment Programme (UNEP). "The Little Book of Green Nudges" adalah sebuah buku yang bertujuan untuk menginspirasi lebih 200 juta pelajar di seluruh dunia untuk mengamalkan gaya hidup lebih mesra alam (*greener lifestyles*) dan membantu universiti untuk memupuk kesedaran pelajar dan staf ke arah "*sustainable behaviours*" melalui intervensi "green nudges".

## LOW CARBON CAMPUS

Selain itu, UNIMAS telah memperkenalkan inisiatif Low Carbon Campus melalui penggunaan eBike dan pewujudan trek basikal, kempen Say No to Single-Use Plastics, pemasangan panel solar di Student Pavilion dan CUBE, pemasangan tangki tadahan air di Student Pavilion dan penggunaan (energy-saving lights) secara berfasa.





## MASTERS IN SUSTAINABLE DEVELOPMENT


Pusat Pengajian Siswazah, dengan penglibatan kepakaran merentasi Fakulti dan Institut juga akan merekabentuk dan membangunkan satu program sarjana secara kerja kursus yang berfokuskan pendekatan kepelbagaian disiplin (*multidisciplinary*) dalam pengurusan dan penyelesaian inovatif ke arah pencapaian SDG. Ia akan melibatkan kefahaman saintifik, teknologi, ekonomi, sosial serta perniagaan berkaitan cabaran-cabaran dalam pembangunan lestari. (*Masters in Sustainable Development*) akan dipandu oleh pertimbangan global yang berkaitan dengan pembangunan mampu.

Dari sudut kualiti graduan pula, UNIMAS berdepan situasi lebih mencabar untuk memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak Revolusi Industri 4.0 di samping meningkatkan kebolehpasaran graduan. Contohnya, di sebalik kesan pandemik COVID-19, proses pembelajaran dan pengajaran di peringkat universiti telah diteruskan melalui kaedah pengajaran dalam talian. Pada Semester 2 (2019/2020) sahaja lebih 3,790 sesi pengajaran dan 6,300 aktiviti pembelajaran dalam talian telah dilaksanakan dengan lancar. Implementasi pentaksiran dalam talian bagi program akademik di peringkat pra-universiti, sarjana muda dan sarjana juga mendapat respons dan penyertaan yang sangat baik daripada pelajar.

## Semester 2 (2019/2020)

**3,790**  
Sesi pengajaran

**6,301**  
Aktiviti pembelajaran dalam talian



UNIMAS dengan kerjasama semua pihak turut mengenal pasti dan memberi bantuan khas kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah akses Internet dan kelengkapan komputer khususnya dari kumpulan yang berkeperluan. Staf akademik dan teknikal juga diberikan latihan dari semasa ke semasa untuk tujuan peningkatan kemahiran (*upskilling*) dalam menghadapi cabaran pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Di samping itu, sokongan kaunseling dan kesihatan mental disediakan kepada para pelajar agar pembelajaran mereka tidak terjejas.



Dengan ketidaktentuan kesan pandemik COVID-19 ke atas ekosistem pendidikan sedunia, komitmen kita untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran akan diteruskan agar usaha berterusan kita dalam menghasilkan graduan yang berkualiti tidak terhenti. Matlamat untuk melahirkan graduan yang berdaya tahan (*resilient*) dan mampu bersaing dalam era Revolusi Industri 4.0 kekal menjadi keutamaan universiti. Inisiatif untuk meningkatkan mutu penyampaian pengajaran harus diberikan penekanan.

Antara inisiatif yang dirancang ialah pengwujudan ruang UNIMAS ELEVATE (*Enhanced Learning Environment for Virtual and Augmented Teaching*) yang akan menyediakan kelengkapan dan sokongan khas untuk tujuan pengajaran dalam talian. Pensyarah-pensyarah dapat menggunakan ruang ini untuk mengajar secara langsung dan menghasilkan bahan-bahan pengajaran dengan lebih sistematik dengan adanya aplikasi yang bersesuaian. Bagi menyokong dan melengkapkan inisiatif ini, universiti akan menaiktaraf dan memantapkan infrastruktur dan kemudahan ICT dengan penambahan 714 unit *Access Point*, naiktaraf storan dan kemudahan persidangan video. UNIMAS ELEVATE diharap dapat memberikan ruang dan peluang kepada para pensyarah untuk lebih kreatif dan efektif dalam melaksanakan pengajaran yang memberikan impak positif kepada pelajar.

## UNIMAS ELEVATE




Pencapaian kebolehpasaran graduan UNIMAS yang tinggi jelas membuktikan komitmen yang telah kita laksanakan selama ini seperti program keusahawanan, *CEO Faculty Programme*, UNIMAS Talent Recruitment and Career Exhibition (TRACE), serta kerjasama erat dengan pihak Jobstreet.com ternyata telah memberi impak yang signifikan kepada kebolehpasaran graduan. Program-program peningkatan kadar kebolehpasaran bersama pihak industri dan graduan akan terus dilaksanakan dalam talian.



Pertimbangan strategik seterusnya adalah dari segi pemerkasaan keupayaan penyelidikan melalui kerjasama strategik yang lestari di peringkat nasional dan global.


UNIMAS telah diiktiraf oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai institusi penyelidikan yang diluluskan di bawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif di dalam memberi sumbangan kepada penyelidikan dan pembangunan. Melalui pengiktirafan ini, sumbangan wang tunai daripada syarikat untuk aktiviti penyelidikan yang mematuhi definisi penyelidikan yang diperuntukkan dalam Akta Pelaburan 1986 adalah layak untuk mendapat insentif secara potongan cukai sebanyak dua kali.

## DOUBLE TAX DEDUCTION



Inisiatif potongan cukai dua kali (*Double Taxation Deduction*) dijangka dapat menggalakkan keterlibatan pihak industri melalui penyaluran dana penyelidikan ke UNIMAS untuk mengurangkan cukai yang perlu dibayar di samping dapat memanfaatkan penyelidikan yang dilakukan oleh UNIMAS.


Saya menyeru agar para penyelidik merebut peluang ini yang bukan sahaja memberi impak kepada peningkatan produktiviti, malah turut memantapkan kerjasama di antara universiti dan industri agar terus kekal berdaya saing dalam arena penyelidikan dan inovasi yang semakin kompetitif.




UNIMAS menghargai kegigihan para penyelidik UNIMAS dalam melahirkan, mengembangkan dan melindungi harta intelek. Perkembangan sepanjang tahun 2020 menampakkan perubahan positif dalam peningkatan harta intelek yang telah melalui proses pengkomersialan. UNIMAS menyusun strategi rapi dengan mensasarkan produk pengkomersialan ini sebagai bidang-bidang fokus kepakaran yang berpotensi untuk digilap dan diterokai ke arah penubuhan Syarikat Terbitan (*Spin-off Companies*). Melalui penubuhan Syarikat Terbitan, UNIMAS mensasarkan peningkatan fokus bidang-bidang kepakarannya, meningkatkan penjanaan pendapatan UNIMAS berasaskan hasil penyelidikan, memberi peluang kepada penyelidik untuk menceburi arena keusahawanan serta mempelbagaikan sumber promosi hasil penyelidikan dan inovasi UNIMAS.

Dalam usaha mengukuhkan kedudukan UNIMAS di persada antarabangsa dan memperkasakan budaya penerbitan, para penyelidik seharusnya berusaha meningkatkan lagi kualiti penyelidikan supaya dapat menghasilkan penerbitan jurnal berimpak seterusnya menaikkan sitasi (*citations*) penerbitan. Bagi tahun 2021, universiti akan memperuntukkan kadar sokongan yuran penerbitan ilmiah dalam jurnal berindeks ISI sehingga RM3,000.00, manakala untuk jurnal berindeks SCOPUS sehingga RM1,500. Sokongan penerbitan ini dipakejkan dengan pertambahan RM200 lagi ke atas setiap penerbitan bersama rakan antarabangsa dan rakan industri. Inisiatif ini merupakan satu suntikan sokongan universiti yang menghargai komitmen dan dedikasi para penyelidik untuk terus meningkatkan kerjasama strategik dengan penulis antarabangsa dan industri.





Penyelidikan merupakan satu rantai proses yang panjang, bermula dari cetusan ilham yang dihasilkan melalui kertas-kertas cadangan penyelidikan sehingga penghasilan output produk atau teknologi baharu yang memberi impak kepada masyarakat, negeri dan negara. Bagi tahun 2021, sejumlah RM1,000,000.00 diperuntukkan khas untuk merealisasikan komitmen ini dan bakal ditawarkan kepada para penyelidik UNIMAS dalam bentuk geran-geran inisiatif penyelidikan secara dalaman. RM200,000.00 daripada jumlah keseluruhan peruntukan dana inisiatif ini juga dikhaskan kepada penyelidikan-penyeleidikan yang berimpak tinggi dengan sasaran output penyelidikan berorientasikan masyarakat serta mampu dimanfaatkan dalam menangani permasalahan-permasalahan semasa.



Program RISE@University (*Research, Independence and Sustainable Entrepreneurship at University*) telah diperkenalkan untuk menyuntik motivasi dan mengiktiraf sumbangan penyelidik-penyeleidik muda yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam ekosistem penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan. Untuk itu, RISE@UNIMAS Award turut diwujudkan untuk menyemarakkan serta meraikan sumbangan penyelidik-penyeleidik muda. Anugerah dalam bentuk suntikan dana penyelidikan dengan jumlah anggaran keseluruhan sebanyak RM100,000 adalah diharap akan menjadi inspirasi kepada penyelidik-penyeleidik muda yang lain agar terus menyumbang dalam ruang lingkup kepakaran masing-masing. Semangat seperti ini harus sentiasa disuburkan agar terus membina dan merancakkan ekosistem penyelidikan di UNIMAS.




Untuk menyokong dan memantapkan penyelidikan di UNIMAS dalam memartabatkan pelbagai “niche areas” terutama yang terdapat di Sarawak, UNIMAS akan mula menawarkan beberapa jawatan Pasca Doktoral secara kontrak untuk tempoh (dua) 2 tahun dengan keutamaan diberikan untuk bidang bukan sains agar status UNIMAS sebagai universiti komprehensif akan sentiasa terserlah di kalangan rakan universiti. Program pasca kedoktoran dilihat sebagai salah satu penggerak yang mampu membantu usaha UNIMAS untuk mensasarkan peningkatan penerbitan dan sitasi.


UNIMAS juga amat mengambil berat impak pandemik COVID-19 ke atas para pelajarnya khususnya yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kekangan yang dihadapi ternyata amat sukar untuk merealisasikan hasrat segelintir pelajar ini.

Sehubungan itu, universiti mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan satu dana khas berjumlah RM1 juta yang ditawarkan kepada para pelajar UNIMAS yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dan berhasrat untuk mengorak langkah ke peringkat Sarjana dalam Mod Penyelidikan.

Tabung Biasiswa UNIMAS Prihatin ini mempakejkan elaun sebanyak RM1,000 sebulan untuk tempoh pengajian dua (2) tahun dengan pengecualian yuran pengajian, yuran peperiksaan, dan yuran penginapan di kolej yang dikenalpasti.

Tabung Biasiswa UNIMAS Prihatin ini diharapkan dapat menyuntik semangat para pelajar agar terus gigih dan tabah meneruskan langkah-langkah kehidupan melalui semangat juang yang kita harapkan tidak akan kunjung malap, walaupun dunia sedang bergelut dengan penularan pandemik ini.





Sukacita diumumkan juga, Kerajaan Negeri dengan kerjasama UNIMAS dan beberapa agensi kerajaan lain telah bersetuju untuk menubuhkan *Sarawak Infectious Disease Center* pada tahun ini. Penubuhan pusat penyelidikan penyakit berjangkit yang amat signifikan ini, terutamanya berkaitan penularan wabak COVID-19, membuktikan kepercayaan yang tinggi kerajaan negeri terhadap kemampuan para penyelidik UNIMAS. Pusat yang bernilai RM170 juta ini juga akan memberi tumpuan kepada penghasilan ubat serta rawatan baharu yang boleh digunakan untuk mengawal penularan penyakit berjangkit. UNIMAS turut diberi tanggungjawab untuk melatih dan membimbing para penyelidik di pusat ini.



Bagi melonjakkan nama UNIMAS di peringkat global daripada aspek jaminan kualiti pendidikan tinggi, salah satu usaha UNIMAS adalah untuk mendapatkan pengiktirafan jaminan kualiti bagi beberapa program akademik daripada ASEAN University Network-Quality Assurance atau dikenali sebagai AUN-QA. Jaringan AUN-QA ini ditubuhkan sebagai rangkaian jaminan kualiti ASEAN di pendidikan tinggi untuk mempromosikan jaminan kualiti di institusi pendidikan tinggi, meningkatkan kualiti pendidikan tinggi, serta bekerjasama dengan badan-badan serantau dan antarabangsa untuk kepentingan masyarakat ASEAN.

# **3** PROGRAM AKADEMIK PRASISWAZAH

Proses Penilaian AUN-QA



Model penilaian program akademik yang dibangunkan oleh AUN-QA adalah sejajar dengan kerangka jaminan kualiti serantau dan antarabangsa yang melihat kepada 15 kriteria secara holistik. Fokus utama penilaian AUN-QA di peringkat program adalah bagi meningkatkan keberkesanan sistem jaminan kualiti.

Tiga program akademik prasiswazah yang telah dipilih untuk melalui proses penilaian AUN-QA ini adalah

- **Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian**
- **Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dengan Kepujian;** dan
- **Sarjana Muda Sastera dalam Linguistik dengan Kepujian.**

Penilaian ini akan membantu universiti meningkatkan kualiti ketiga-tiga program akademik berkenaan di samping menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mendaftar dan merasai pengalaman pembelajaran berkualiti di UNIMAS.

Di samping itu, bagi mempertingkatkan kualiti program akademik yang lain, Manual Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS akan dilancarkan pada tahun 2021. Manual ini akan memfokuskan kepada pemantapan pengurusan hal ehwal akademik dengan merujuk kepada keperluan dalam proses pembelajaran dan pengajaran, penjaminan kualiti akademik dan amalan terbaik serta kelincinan proses pentadbiran akademik. Proses-proses yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran akan diaudit secara dalaman. Berdasarkan dapatan analisis jurang yang dilaksanakan oleh pihak Bahagian Jaminan Kualiti Akademik pada tahun 2020, semua fakulti dan pusat telah bersedia ke arah pematuhan proses-proses akademik ini.

## PEMANTAPAN PENGURUSAN HAL EHWAL AKADEMIK



- Keperluan dalam proses pembelajaran dan pengajaran**
- Penjaminan kualiti akademik dan amalan terbaik**
- Kelincinan proses pentadbiran akademik**

Program-program akademik di UNIMAS terbukti mendapat sambutan di peringkat antarabangsa dengan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa di UNIMAS. Begitu juga dengan program mobiliti yang menarik minat pelajar-pelajar daripada negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, China, Thailand, Denmark, dan Belanda. Alumni-alumni antarabangsa ini telah memberikan maklum balas positif terhadap program akademik UNIMAS dan secara tidak langsung membantu mempromosikan nama UNIMAS di peringkat global.



Sebagai langkah untuk terus menjadikan program akademik UNIMAS lebih kompetitif dan menjadi pilihan pelajar antarabangsa, kerjasama strategik dengan universiti luar turut diperkasakan antaranya adalah menerusi penawaran program-program Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus di China, yang merupakan hasil usaha sama UNIMAS Business School, fakulti-fakulti, dan universiti-universiti di China. Tiga program sarjana telah dipilih untuk program rintis ini:

- **Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (CMBA)**
- **Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Sumber Manusia (HRD)**
- **Ijazah Sarjana Kejuruteraan (MEng)**



Selain itu, UBS mengadakan kolaborasi dengan rakan strategik untuk menawarkan Program Eksekutif MBA (EMBA) di China, dengan anggaran seramai 200 orang pelajar yang akan berdaftar bagi pengambilan pertama pada tahun 2021. UBS turut menawarkan PHD Coaching Program bagi pelajar PhD dari negara China. Model kerjasama sebegini akan diperluaskan ke negara-negara lain seperti Indonesia, Vietnam, Pakistan, Sri Lanka, Cambodia, dan Myanmar



*A strong global reputation or prestige is a continuous process that cannot be achieved overnight or with a single solution.*

Reputasi atau martabat global adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti program akademik yang berkualiti dan diiktiraf, penyelidikan berimpak, profil tenaga akademik, pelajar-pelajar berkaliber, jalinan strategik antarabangsa dan industri serta libatsama alumni dan lapisan staf di semua peringkat.

Sebahagian dari dilaksanakan faktor-faktor ini adalah mudah untuk dilaksanakan dan sebahagian lagi memerlukan perancangan dan pelaksanaan strategik yang rapi dalam tempoh yang panjang.

**“A strong global reputation or prestige is a continuous process that cannot be achieved overnight or with a single solution.”**




Justeru, kita akan memberikan lebih penekanan kepada aspek- aspek berikut:

#### **Pengantarabangsaan (*Internationalisation*)**

Kita akan mewujudkan jalinan strategik antarabangsa baharu dan bermanfaat dalam pelbagai aspek untuk meningkatkan kepelbagaian latar belakang pelajar antarabangsa, menarik bakat global, meningkatkan geran penyelidikan antarabangsa serta penulisan artikel bersama selain inovasi dalam program mobiliti pelajar.

#### **Ketampakan dan kesedaran jenama global - *Visibility and Awareness of Global Branding***

Sebuah universiti global memerlukan jenama yang dikenali di peringkat antarabangsa. Martabat sesebuah universiti adalah dipacu oleh kecemerlangan dan disokong oleh penceritaan tentang pencapaian dan kejayaan. Kita perlu secara proaktif menyebarkan 'success stories and achievements' untuk mengukuhkan kedudukan kita.



**UNIMAS#GlobalHome**

**UNIMAS#GlobalHeartbeat**

**UNIMAS#GlobalFuture**

Pihak UNIMAS Global dengan kerjasama penuh semua Fakulti, Institut, dan PTj berkaitan akan melancarkan beberapa inisiatif di bawah UG High Impact Projects (HIP). Terdapat tiga teraju utama HIP, iaitu UNIMAS #GlobalHome, UNIMAS #GlobalHeartbeat, dan UNIMAS #GlobalFuture.

UNIMAS#GlobalHome akan memberikan tumpuan kepada pengalaman yang inklusif dan bersepadau serta berkualiti di kampus, melalui peningkatan pengalaman kualiti hidup serta pembelajaran dalam kalangan komuniti kampus global. Inisiatif ini akan memudahkan integrasi dimensi global dalam penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat fakulti. Interaksi antara fakulti, pelajar dan staf beserta rakan kongsi strategik UNIMAS akan memudahkan perkongsian sumber manusia dan ilmu pengetahuan yang membawa manfaat kepada semua pihak berkaitan.

Dari segi pengalaman pembelajaran, UNIMAS akan meningkatkan kualiti program dan juga kecekapan ahli akademik termasuk pemantapan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di kelas, makmal, bengkel, lapangan serta lain-lain libatsama. Kemampuan proses membuat keputusan mengenai perkara yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa, kehadiran dan pengalaman orientasi juga akan diberi penekanan untuk memastikan kebijakan pelajar sentiasa terjaga.



UNIMAS #GlobalHeartbeat adalah satu inisiatif untuk mewujudkan peluang penglibatan pelajar dan staf dengan kepelbagaian budaya agar konsep globalisasi, termasuk kesan dan elemennya difahami serta dihayati. Kehadiran pelajar dan sarjana antarabangsa di kampus mewujudkan suasana unik dengan pertembungan kepelbagaian agama dan budaya dari seluruh pelusuk dunia, dan pemahaman serta penerimaan kepelbagaian ini adalah penting ke arah pembudayaan global.

Dengan memupuk sokongan khusus untuk penglibatan global dalam kalangan warga Universiti, kejayaan strategi memartabatkan UNIMAS sebagai jenama global akan dapat di realisasikan.



UNIMAS #GlobalFuture pula merupakan inisiatif pemerkasaan mekanisme teknologi digital bagi mengukuhkan serta memudahkan interaksi serta perkongsian pengetahuan antara UNIMAS dengan rakan strategik serta organisasi luar dengan berlandaskan kepada konsep *Business Unusual* melalui rangkaian tanpa sempadan. Perhubungan rapat bersama alumni UNIMAS di seluruh dunia akan turut dimanfaatkan untuk membina hubungan yang produktif bersama penaja pelajar antarabangsa, organisasi serta agensi luar.

Inisiatif UNIMAS #GlobalFuture ini merupakan peluang terbaik untuk UNIMAS mengukuhkan hubungan dengan pelajar dan serta rakan strategik antarabangsa di samping berpotensi membuka ruang lebih luas untuk meningkatkan visibiliti universiti di persada dunia.



## International Students Division

Sehubungan dengan itu, kita akan mewujudkan satu PTj baharu, Bahagian Pelajar Antarabangsa atau *International Students Division* (ISD) yang akan bekerjasama penuh dengan UG, BPPs, PPS, PPP, PKP serta UBS dalam aspek pengurusan dan pentadbiran pelajar antarabangsa. Hakikatnya adalah pelajar antarabangsa perlu diiktiraf sebagai sebahagian keluarga besar UNIMAS dan diberi akses serta kemudahan seperti yang diterima oleh pelajar tempatan.

Bagi menyokong padu dan menyambut arahan dan seruan Kerajaan dalam merealisasikan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam, UNIMAS akan memperkuuhkan Unit Integriti yang pada masa ini diletakkan di bawah Bahagian Dasar dan Integriti. Dalam memperkuuhkan Unit Integriti ini yang berfungsi sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di UNIMAS, saya mencadangkan agar Unit Integriti untuk menjadi Pusat Tanggungjawab sendiri.

Unit ini akan bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras iaitu memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan; memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti di UNIMAS; mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan melaksanakan fungsi urus setia Jawatankuasa Tatatertib.



- 01 Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan
- 02 Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti di UNIMAS
- 03 Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya diambil
- 04 Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi
- 05 Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa
- 06 Melaksanakan fungsi urus setia Jawatankuasa Tatatertib



**Dari Bako ke Samarindah  
Datang membawa ikan dan ambal  
Kalam Amanat dibentang sudah  
Meletakkan UNIMAS di persada Global.**

**Sungguh damai di Tasik Cinta  
Banyak ikan berenang-renang  
Norma baharu mengekang kita  
Namun amanah tetap dijulang.**

**Kalam amanat di hujung bicara  
doa dan harapan teruskan usaha  
Biarpun ujian masih melanda  
Tekad dan semangat penguat jiwa**



“Pekerjaan hebat tidak dilakukan dengan kekuatan, tetapi dengan ketekunan dan kegigihan.”

*Doa dan  
Harapan*

Hampir 30 tahun nama UNIMAS termetri, biarpun pandemik telah mengubah seri, serta cara gaya PdP, penyelidikan dan inovasi, begitu juga dengan khidmat komuniti, kini cabaran yang bakal kita depani, melonjak dan mengharum jenama UNIMAS, sebagai satu jenama global, pastinya menuntut keikhlasan, kecekalan, synerggi, dan iltizam yang tidak berbelah bahagi.

Bak kata cendekiawan, pekerjaan hebat tidak dilakukan dengan kekuatan, tetapi dengan ketekunan dan kegigihan.

Dengan pertimbangan strategik yang telah digariskan, bagi merancakkan usaha UNIMAS sebagai jenama global, sama ada melalui pengajaran, penyelidikan, penulisan, konsultansi atau khidmat komuniti, lantas kepada ahli akademik yang baharu berjinak-jinak menulis, menyelidik, mengajar atau apa sahaja laluan sebagai warga akademik, jangan sesekali pernah takut untuk mencuba, kerana tanpa mencuba kita tidak akan pernah merasakan keberhasilan.

“Jangan sesekali pernah takut untuk mencuba, kerana tanpa mencuba kita tidak akan pernah merasakan keberhasilan.”



*Aku tidak berbangga dengan kejayaan yang aku tidak rencanakan seperti aku tidak akan menyesal atas kegagalan yang terjadi di hujung usaha.*

Khalifah Harun al-Rasyid

Adalah menjadi doa dan harapan saya agar warga akademik menjadi nadi dan pelopor memperkasa peranan UNIMAS dalam memupuk transformasi komuniti melalui pengajaran dan pembelajaran yang berunsur alami UNIMAS, libat urus aktif dalam penyelidikan dan inovasi, begitu juga konsultansi, bagi memenuhi keperluan SDG agar dunia yang kita diami lebih lestari yang memungkinkan natijahnya adalah pengiktirafan dan kelayakan global yang berkualiti.

Oleh itu teruskan usaha, doa dan tawakkal Memetik kata-kata Khalifah Kelima Bani Abbasiyah

Aku tidak berbangga dengan kejayaan yang aku tidak rencanakan seperti aku tidak akan menyesal atas kegagalan yang terjadi di hujung usaha.

Tuan-tuan dan puan-puan adalah penggerak dan pengupaya gerak kerja di UNIMAS. Dengan pertimbangan strategik serta keutamaan yang telah digariskan, bagi merancakkan usaha UNIMAS sebagai jenama global, P&P adalah entiti penting ke arah merealisasikan semua inisiatif yang dirancang.

Menjadi doa dan harapan saya agar warga Pengurusan dan Profesional terus istiqamah dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, teruskan usaha meningkatkan ilmu pengetahuan, gembeleng tenaga dan elakkan perselisihan.

Musuh kita adalah kejahanan, keperluan dan perselisihan. Kita akan memerangi ketiga-tiga musuh ini dengan senjata kemajuan, pengetahuan dan penyatuan. Permusuhan dan perseteruan adalah kebinasaan.- Sheikh Badruzzaman Said al-Nursi



*"Musuh kita adalah kejahanan, keperluan dan perselisihan. Kita akan memerangi ketiga-tiga musuh ini dengan senjata kemajuan, pengetahuan dan penyatuan. Permusuhan dan perseteruan adalah kebinasaan. ..."*

-Sheikh Badruzzaman Said al-Nursi (Turki)

Dengan pertimbangan strategik serta keutamaan yang telah digariskan, bagi merancakkan usaha UNIMAS sebagai jenama global, warga Kumpulan Pelaksana pastinya menjadi jentera utama dalam menentukan kejayaan inisiatif yang telah dirangkakan. Adalah menjadi doa dan harapan saya agar warga Pelaksana bergerak seiring dengan warga P&P, ahli akademik dan juga pelajar agar kita dapat mewakili suara UNIMAS yang holistik. Teruskanlah bekerja dengan keikhlasan. Dunia ini hanya memiliki tiga hari: Kelmarin, ia telah pergi bersama dengan semua yang menyertainya. Hari esok, belum pasti kita berpeluang menemuinya. Hari ini, itulah yang kamu miliki, maka bekerjalah sebaiknya di hari ini. – Hasan al-Basri

*Dunia ini hanya memiliki tiga hari: Kelmarin, ia telah pergi bersama dengan semua yang menyertainya. Hari esok, belum pasti kita berpeluang menemuinya. Hari ini, itulah yang kamu miliki, maka bekerjalah sebaiknya di hari ini. – Hasan al-Basri*



Akibat cabaran pandemik COVID-19 yang sedang kita hadapi, ramai golongan yang terkesan termasuklah para pelajar sekalian. Ternyata majoriti pelajar yang masih dalam pengajian sudah hampir setahun tidak melihat keindahan kampus UNIMAS, bahkan sebenarnya kampus sangat sunyi tanpa kalian. Dengan pertimbangan strategik yang telah digariskan, bagi merancakkan usaha UNIMAS sebagai jenama global, pelajar yang merupakan antara pemegang taruh utama tidak pernah dipinggirkan. Di antara keutamaan yang digariskan termasuklah kebolehpasaran graduan UNIMAS dalam era Revolusi Industri 4.0.



Adalah menjadi doa dan harapan saya agar pelajar dan graduan UNIMAS terus menjadi pilihan para majikan, punya sahsiah dan jiwa pekerti yang menjadi idaman, berfikiran matang, dan punya kekentalan mental yang didambakan, bahkan sudah terbukti apabila ramai graduan UNIMAS yang mengisi pelbagai jenis jawatan, timur barat utara dan selatan, dalam negeri atau di luar watan, suatu hasil yang begitu membanggakan, untuk terus menjulang gemilang nama UNIMAS sebagai jenama global.



Marilah dan ayuhlah.. Kita jayakan bersama UNIMAS sebagai jenama global. Itulah doa dan harapan.

Bersama-samalah kita berdoa agar Tuhan mengkabulkan segala hajat dan permintaan di samping semoga gerak kerja kita beroleh keberkatan.

Akhir kata marilah sama-sama kita bermohon agar seluruh warga UNIMAS sentiasa dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan tubuh badan, kalbu dan minda, agar dapat terus menggembeleng tenaga, minda, serta jiwa dan raga ke arah kegemilangan UNIMAS di persada global.





Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan Sarawak, Malaysia  
📞 60 82 58 1000 📲 60 82 665088  
**WWW.UNIMAS.MY**